

Pendidikan TVET berasaskan PSH

Berita Harian
Khamis, 19 Mei 2016

Komentari



Dr Mohd Rashid Ab Hamid

Pengurus Besar (Akademik) UMP
Advanced Education dan Pensyarah Kanan
di Fakulti Pengurusan Industri, Universiti
Malaysia Pahang

Kerajaan menekankan agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bagi melahirkan modal insan berkualiti, berilmu pengetahuan dan berdaya saing memenuhi Pelan Induk Pembangunan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2011-2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PENGajian Tinggi) 2015-2025.

Ia menjadi tonggak dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara kompetitif dan ada kelebihan bersaing, malah di negara maju konsep itu sudah lama diterapkan dan diamalkan seiring perkembangan ekonomi dan taraf hidup.

Bagi mencapai status negara maju, aspek pembangunan modal insan yang memfokus kepada PSH menjadi satu kemestian bagi memastikan usaha kerajaan menjeram pelbagai inisiatif serta memastikan transformasi negara mencapai status ekonomi berprestasi tinggi menjelang tahun 2020 menjadi kenyataan.

Kerajaan sebenarnya mengambilkira berat hasrat dan keinginan orang muda untuk melengkapkan diri mereka bagi mendepani cabaran pada hari muka dan ia ter-

bukti apabila pelbagai program yang berkaitan mendapat perhatian pemimpin nombor satu negara, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaludin Abu Bakar.

Jadinyalah, peranan dan kewujudan Majlis Belia Malaysia (MBM) begitu relevan dan bertepatan dengan fungsi sebagai badan induk yang menaungi pertumbuhan belia bagi mengorak langkah menjadi rakan kongsi kerajaan, termasuk dalam bidang pendidikan. Begitu juga, bidang Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) berasaskan PSH turut penting dalam menyediakan peluang kepada belia yang bekerja lebih awal dan tidak berkesempatan menyambung pengajian di peringkat tertinggi.

Tingkat kemahiran tenaga kerja

Program PSH yang dibangunkan bertujuan memperkembangkan ilmu dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan sumber manusia sedia ada dalam sektor industri tertentu secara ekspektif. Keperluan negara yang mendesak dalam pelbagai sektor industri yang memerlukan kemahiran tinggi memungkinakan perkara ini dapat direalisasikan khususnya dalam

bidang TVET berasaskan PSH.

Bagi mendukung usaha ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui UMP Advanced Education (UAE) dengan rakan kerjasama strategik, MBM menawarkan program kombinasi TVET berasaskan PSH. Kerjasama strategik itu dapat memartabatkan belia yang boleh mengikuti program itu secara eksklusif di UMP atau premis rakan kerjasama strategik dan tempoh latihan berdasarkan kursus dan peringkat program yang diikuti.

Untuk merencanakan usaha itu, MBM bertanggung jawab mendukung aspirasi negara dalam membangunkan modal insan belia untuk industri melalui TVET menerusi Sekretariat 1Belia 1Kemahiran (1B1K) untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Kemahiran yang diperolehi dapat digunakan dalam pekerjaan mereka seterusnya memberi harapan kepada belia menyambung pengajian dalam bidang TVET dengan memumpu kepada satu bidang kemahiran yang khusus dengan mendapat pengiktirafan yang dipanggil UMP Kompeten. Ia juga membuka satu laluan kerjaya TVET yang khusus yang dipacu permintaan (demand-driven) dan

dipacu industri (industry-driven).

Program 1B1K yang bertaraf UMP Kompeten memberi tumpuan kepada lima kluster iaitu Kemahiran Komuniti, Hands-on dan Fast track, pengajian berterusan program TVET, Pengalamanan dan Pencapaian Terdahulu (PPT & APEL) serta Program Vocational Training Officer (VTO).

Usaha ini mendukung konsep diketengahkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam memberi fleksibiliti kepada belia industri yang bekerja menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Oleh demikian, belia perlu mengambil kesempatan program 1B1K-UMP Kompeten untuk berdepan persekitaran dan pasaran global yang kompetitif seterusnya membina daya tahan yang kekal dalam menghadapi cabaran secara hikmah dan bijaksana demi melahirkan belia industri berprestasi tinggi.

TVET berasaskan PSH perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan industri semasa diselaraskan dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.